

Inflasi utama akan meningkat

UM 18/12/18

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Inflasi utama di Malaysia pada 2019 diunjurkan meningkat kepada 2.7 peratus, sebahagian besar didorong oleh tekanan tambahan susulan peralihan kepada subsidi bahan api bersasar, kesan limpahan berterusan pengenalan semula cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan kesan asas yang rendah semasa tempoh cukai sifar cukai barang dan perkhidmatan (GST).

RAM Rating Services Bhd. (RAM Ratings) berkata, unjuran inflasi bagi 2019 masih bergantung kepada pelaksanaan mekanisme subsidi bahan api bersasar pada suku kedua tahun depan kerana butiran terperinci mengenai pelaksanaannya seperti mekanisme pengagihan, masih belum diperolehi.

Menurut agensi penarafan kredit itu, satu lagi risiko penting terhadap unjurannya ialah ketidakstabilan harga minyak mentah global memandangkan kadar inflasi pada 2019 ber-



KESAN berterusan susulan pengenalan semula cukai jualan dan perkhidmatan turut mempengaruhi peningkatan inflasi utama pada 2019.

- GAMBAR HIASAN

nyak mentah global.

Ketua Penyelidikan RAM Ratings, Kristina Fong berkata, berdasarkan anggaran mereka, setiap pergerakan AS\$5 (RM20.93) pada harga purata minyak mentah Brent akan mengubah inflasi utama dengan kira-kira 0.3 mata peratusan pada 2019, tanpa sebarang kesan pusingan kedua terhadap harga.

kan keperluan untuk mengimbangi tekanan aliran keluar modal dan sokongan ke atas pertumbuhan.

“Walaupun inflasi utama dijangka meningkat tahun depan, kadar peningkatan masih tidak jelas, berbanding risiko penurunan pertumbuhan daripada penyepaduan fiskal yang berterusan, pasaran modal yang tidak menen-

gantungan kepada sejauh mana berkesannya pengurangan bekalan oleh Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dalam menyokong harga mi-

Katanya, RAM Ratings juga menjangkakan Bank Negara Malaysia mengekalkan kadar dasar semalaman pada 3.25 peratus pada 2019, berdasar-

tu, ketegangan perdagangan Amerika Syarikat (AS) dan China serta ketidakpastian Brexit," katanya dalam kenyataan di sini hari ini. - BERNAMA